

## Prestasi murid meningkat

**DUNGUN** - Program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Latihan Akademik 2016 yang digerakkan oleh Majlis Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) membawa impak positif kepada sekolah terpilih khususnya di luar bandar.

Pendekatan digunakan membawa manfaat kepada pelajar serta tugas guru menyebarkan ilmu dan ia diakui Guru Besar Sekolah

Kebangsaan (SK) Pasir Raja, Mazuki Abd Rahman.

Mazuki berkata, pencapaian pelajarinya meningkat sejak program itu diperkenalkan dan pihak sekolah mendapat input dari pelbagai sudut.

"Peningkatan prestasi pelajar membuatkan guru-guru lebih bersemangat. Pelajar mencatat kehadiran 100 peratus setiap kali program diadakan.

"Peperiksaan pertengahan tahun juga menunjukkan peningkatan daripada hanya

20 peratus lulus semua mata pelajaran sebelum ini kepada 70 peratus," katanya ketika ditemui di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paka, di sini, baru-baru ini.

Guru Besar SK Padang Pulut, Azmi A Bakar turut memberi maklum balas positif dan mengakui pencapaian pelajar meningkat.

Menurutnya, seramai 50 murid SK Padang Pulut terpilih mengikuti program di bawah empower ECER Latihan Akademik 2016.